

Kempen Pelanggan
Rezeki Hero Raya

Tempoh Kempen:
9 Mac 2026 – 31 Mac 2026

Terma dan Syarat

- 1) Peraduan Rezeki Hero Raya ("Peraduan") ini ditawarkan oleh **Prudential BSN Takaful Berhad** ("PruBSN" atau "**kami**"). Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini serta Dasar Privasi kami yang boleh diakses di <https://www.prubsn.com.my/ms/privacy-policy/> .
- 2) Tempoh Peraduan adalah dari **9 Mac 2026** hingga **31 Mac 2026**, termasuk kedua-dua tarikh.
- 3) Kelayakan Peraduan:
 - 3.1 **Peraduan ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas:**
 - Peserta mestilah mempunyai akaun Facebook, Instagram atau TikTok yang sah.
 - Pekerja PruBSN, ejen, rakan kongsi, vendor serta ahli keluarga terdekat mereka tidak layak menyertai Peraduan ini.
 - 3.2 Bagi melayakkan diri untuk menyertai Peraduan, peserta mesti melengkapkan SEMUA langkah berikut:
 - Menonton video kempen rasmi Raya PruBSN bertajuk "Kisah Hero Raya" di platform media sosial rasmi PruBSN.
 - Menyukai hantaran kempen tersebut.
 - Memberi komen dengan menandakan tiga (3) hero dan menggunakan tanda pagar #KaulahHeroDuniamu.
 - Mengisi dan menghantar borang penyertaan rasmi yang disediakan di laman web PruBSN dengan maklumat peribadi yang lengkap dan tepat.
 - 3.3 **Keperluan Penyertaan**
 - Setiap peserta hanya layak untuk satu (1) penyertaan sahaja.
 - Komen atau penghantaran berulang tidak akan meningkatkan peluang kemenangan.
 - Komen mestilah sopan, tidak menyinggung perasaan dan relevan dengan kempen.

Penyertaan yang tidak lengkap atau kegagalan melengkapkan mana-mana langkah di atas akan menyebabkan penyertaan dibatalkan.

- PruBSN berhak membuang atau membatalkan penyertaan yang dianggap tidak sesuai.

4) Ganjaran Peraduan

Setiap Peserta yang Layak yang memenuhi syarat Peraduan akan menerima penyertaan cabutan rezeki ("Ganjaran").

Hadiah Cabutan Rezeki adalah seperti berikut:

Kategori	Hadiah	Jumlah Pemenang
Hadiah Utama	iPhone 17 Pro (256GB)	1
Hadiah Sokongan 1	50" LG Smart TV	1
Hadiah Sokongan 2	Dyson V8 Lite Cordless Vacuum Cleaner	1
Hadiah Saguhati	RM50 Touch & Go	20

- 5) Peserta yang Layak akan dimaklumkan melalui SMS ke nombor telefon yang didaftarkan dalam borang penyertaan.
- 6) Pemenang cabutan rezeki akan dipilih oleh PruBSN selewat-lewatnya pada **31 April 2026** dan diumumkan melalui laman web serta saluran media sosial rasmi PruBSN. Setiap pemenang hanya layak menerima maksimum satu (1) hadiah cabutan rezeki.
- 7) Peserta bertanggungjawab memastikan maklumat yang diberikan kepada PruBSN sentiasa tepat. PruBSN berhak untuk meminta maklumat tambahan bagi tujuan pengesahan.
- 8) Semua hak, kepentingan, kelayakan dan manfaat terhadap Ganjaran dianggap telah diberikan kepada Peserta yang layak setelah Ganjaran tersebut dikreditkan. Sekiranya Ganjaran tersebut dicuri atau hilang atas apa jua sebab atau dalam apa jua keadaan, tiada penggantian akan diberikan oleh PruBSN kecuali sekiranya kejadian tersebut berpunca daripada PruBSN.
- 9) Keputusan PruBSN adalah muktamad dan tiada sebarang rayuan akan dilayan.
- 10) PruBSN berhak untuk mengubah, menggantikan atau membatalkan Ganjaran dengan barangan bernilai setara tanpa notis terlebih dahulu. Ganjaran tidak boleh dipindah milik, ditukar atau ditebus dengan wang tunai.
- 11) PruBSN berhak untuk menolak sebarang penyertaan sekiranya mana-mana terma dan syarat Peraduan ini tidak dipenuhi. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

- 12) Peserta hendaklah mematuhi undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi yang berkenaan, termasuk US Foreign Corrupt Practices Act, UK Bribery Act, Hong Kong Prevention of Bribery Ordinance, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, serta peraturan dan panduan yang berkaitan. PruBSN berhak membatalkan penyertaan Peserta tanpa notis atas kegagalan mematuhi atau pelanggaran undang-undang berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Kempen ini.
- 13) Peserta dan PruBSN bersetuju bahawa sebarang penggunaan dan pendedahan maklumat menurut Kempen ini adalah tertakluk kepada Personal Data Protection Act 2010 ("**PDPA**"). Peserta dan PruBSN hendaklah mematuhi PDPA.

- 14) Tidak mengira apa yang bertentangan yang terkandung dalam Kempen ini,
- a) Jika PruBSN mengetahui atau diberitahu bahawa Peserta dinamakan dalam mana-mana senarai Sekatan, atau diancam untuk ditambahkan ke dalam senarai Sekatan*; atau
 - b) Jika PruBSN didapati melanggar kewajipan Sekatan akibat Kempen ini,

PruBSN akan membatalkan kelayakan Peserta berkuat kuasa serta-merta dan mengambil tindakan lain yang difikirkan sesuai oleh PruBSN, termasuk tetapi tidak terhad kepada memberitahu mana-mana pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan tanpa notis dan liabiliti.

*"Sekatan" merujuk kepada apa-apa langkah sekatan yang dikenakan ke atas rejim, negara, kerajaan, entiti, individu dan industri yang disasarkan oleh badan atau kerajaan antarabangsa di Malaysia atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada Office of Financial Sanctions Implementation HM Treasury, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, European Union, US Treasury Department's Office of Foreign Assets Control dan Hong Kong Monetary Authority.

- c) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Klausula 17 ini, dan keupayaan PruBSN untuk membuat tuntutan terhadap Peserta untuk sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh PruBSN yang timbul daripada pengendalian Klausula 17 ini, akan kekal selepas penamatan atau tamat tempoh Kempen ini.
- 15) PruBSN berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen sebelum tamat Tempoh Kempen, sepenuhnya atau sebahagian, pada bila-bila masa, tanpa notis. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, pengeluaran, penggantungan, pelanjutan atau penamatan oleh PruBSN untuk Kempen tidak akan memberi hak kepada Peserta untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap PruBSN untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, pengeluaran, penggantungan, pelanjutan atau penamatan tersebut.
- 16) PruBSN berhak untuk menambah, memadam, atau mengubah Terma dan Syarat Kempen sepenuhnya atau sebahagian pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu

kepada Peserta. Cara pemberitahuan (jika ada) adalah mengikut budi bicara PruBSN yang munasabah, termasuk tetapi tidak terhad kepada posting di laman web atau laman media sosial PruBSN, memaparkan notis di mana-mana cawangan PruBSN dan/atau apa-apa cara lain seperti yang ditentukan oleh PruBSN.

- 17) Terma dan syarat ini tertakluk kepada undang-undang di Malaysia dan bidang kuasa Mahkamah di Malaysia.
- 18) Terma dan syarat ini disediakan di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.